

Kem Ihya Ramadhan Sekolah Rendah dan Menengah




Labuan – Kem Ihya Ramadhan Sekolah Rendah dan Menengah telah diadakan pada 15-16 Jun 2017 yang bertempat di dewan terbuka Pusat Ko Kurikulum, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kem ini dianjurkan oleh Pusat Ko Kurikulum dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (JAWI), Pusat Pungutan Zakat Labuan (PPZ), dan Jabatan Penerangan Labuan. Seramai 40 orang peserta terlibat dalam kem tersebut. Antara Pengisian yang telah dijalankan dalam kem tersebut adalah ceramah daripada JAWI dan PPZ, Tadarus Al-Quran dan Qiamulail



Majlis khatam Al-Quran telah dipimpin oleh Imam Muda Nazrul iaitu naib juara program Imam Muda Musim kedua. Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Encik Hasbollah bin Amit Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan.



Majlis Penyerahan Surat Kenaikan Pangkat



Labuan – Majlis penyerahan surat kenaikan pangkat telah berlangsung pada 15 Jun 2017 (khamis) dan bertempat di Bilik Benua, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri W.P Labuan.

Seramai 59 penerima Surat Kenaikan dari Gred DG34 hingga Gred DG52 peringkat Jabatan Pendidikan yang diraikan pada majlis tersebut.

Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Pengarah Pendidikan W.P Labuan Encik Raisin bin Saidin.

Beliau mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua warga pendidikan yang sentiasa bersungguh-sungguh tanpa mengira sama ada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan maupun Pegawai Kumpulan Pelaksana, sama-sama menjadi pemangkin kejayaan pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dikenali umum sebagai Guru, adalah insan yang paling dekat dengan murid. Insan yang sebenarnya penyumbang utama dalam mendidik dan membangunkan manusia sebagai modal insan yang berjaya dari pelbagai aspek, sama ada inteleknya, jasmaninya, rohaninya, sahsiahnya maupun emosinya.



Encik Raisin Saidin juga berharap agar pencapaian cemerlang para penerima surat kenaikan pangkat akan terus dipacu dengan momentum dan iltizam yang lebih tinggi dan menjadi pembakar semangat kepada warga pendidikan yang lain untuk terus menggembung sepenuh daya usaha melalui persaingan yang sihat demi menjadikan perkhidmatan awam, secara amnya, dan perkhidmatan pendidikan, khususnya, kekal sebagai perkhidmatan yang diyakini dan disegani oleh rakyat dan menepati kehendak dan ekspektasi pemegang taruh (*stakeholder*) kita.

Perkhidmatan berkualiti dan berprestasi tinggi amatlah relevan dengan hasrat kepimpinan negara yang ingin melihat Tahun 2017 sebagai tahun penyampaian atau “*delivery year*”.



Jabatan Pendidikan Labuan Lancar Antologi Cerpen

“Kalu sayangkan anak, jangan membeli bahan ditimpah bahaya.

Beliau berkata demikian semasa penyerahan kuih raya kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat daerah Tawau kelepasan.

“Kalu sayangkan anak, jangan membeli bahan

ditimpah bahaya.

Beliau juga mengingatkan ibu bapa supaya mengambil pengajaran dari beberapa tragedi keriahan permainan mercuun untuk bertindak lebih tegas berhubung keselamatan anak-anak.

“Kata orang, mencegah itu adalah lebih baik dari

HAMISA menyampaikan sumbangan kuih raya kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat daerah Tawau.

“Kemarin hari raya disambut dalam suasana hibah,” ujarnya.

Menurut Hamisa, ini bukti dan pengorbanan pasukan keselamatan daripada sumbu-

kemurian bagi menjaga keselamatan negara sekiranya dilangsung.

Jelajah, kerajaan sentiasa mengiktiraf bukan sahaja khidmat laskar dan pengurbang, tetapi juga kesetiaan anggota pasukan keselamatan kepada kerajaan yang memerintah negara

sejara keselamatan negara.

“Kita sedar tanpa pemberpanjangan dan kesetiaan pasukan keselamatan, negara tentu negara tidak dapat menikmati keamanan, keselamatan dan kemakmuran seperti yang nikmatnya pada hari ini,” katanya.

semoga kepada anak didik mereka dan ibu bapa untuk membaca petugas bahan bacaan yang berfaedah.

Buku antologi cerpen itu akan diimparkan perpuaksa sekolah, dan dijual kepada orang ramai.

Majlis pelancaran untuk cerpen itu disempurnakan oleh Ahli Parliment Labuan Dr Rozman Isla.

Turut hadir Raisin, Ketua PERWILA dan Ketua Perswila Sahar Misnor, juga Pengurus SMK Pan World School.

ROZMAN (tengah) bersama Raisin (tiga kanan) Othman (tiga kiri) dan (kanan) melancarkan Cerpen ‘Catatan Seorang Guru’ sempena sambutan Hari Guru peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2017.

Jabatan Pendidikan Labuan lancar Antologi Cerpen

LABUAN: Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah melancarkan Antologi Cerpen ‘Catatan Seorang Guru’ sempena sambutan Hari Guru peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, baru-baru ini.

Antologi tersebut merupakan koleksi cerpen hasil karya 12 orang guru dan ahli Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA).

Pengarah Pendidikan Labuan Raisin Saidin berkata, antologi cerpen itu mengenai tugas seorang guru dan bidang pendidikan.

“Penerbitan antologi cerpen itu merupakan salah satu usaha menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan guru dan masyarakat Labuan,” katanya.

Raisin berharap menerusi cerpen berkenaan, warga pendidikan akan memberi semangat kepada anak didik mereka



Labuan- Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah melancarkan Antologi Cerpen ‘Catatan Seorang Guru’ sempena sambutan Hari Guru peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, baru-baru ini.

Antologi tersebut merupakan koleksi cerpen hasil karya 12 orang guru dan Ahli Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA).

Pengarah Pendidikan Labuan Encik Raisin Saidin berkata, antologi cerpen itu mengenai tugas seorang guru dan bidang pendidikan.

“Penerbitan antologi cerpen itu merupakan salah satu usaha menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan guru dan masyarakat Labuan,” katanya.

Raisin berharap menerusi cerpen berkenaan, warga pendidikan akan memberi semangat kepada anak didik mereka dan ibu bapa untuk membaca pelbagai bahan bacaan yang berfaedah.

Majlis pelancaran antilogi cerpen itu disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman bin Haji Isli.

Kumpulan D' Akar Seni SMK Rancha-Rancha semakin dikenali



Bidang kesenian merupakan salah satu kebitaraan SMK RanchaRancha Wilayah Persekutuan Labuan. Salah satu bidang seni yang menonjol di SMK RanchaRancha ialah bidang seni tari. Kemenjadian bidang seni tari di sekolah itu telah diterajui oleh guru penasihatnya iaitu Cikgu Sapri Idris dan dibantu oleh Cikgu Zaharah Mat Jali.

Pembangunan bidang seni tari SMK Rancha-Rancha mengalami lonjakan saujana yang mana walaupun masih berusia setahun jagung namun keupayaan dan pencapaian Kumpulan D' Akar Seni SMK Rancha-Rancha tidak dapat disangkal kerana beberapa siri pencapaian dan kejayaan kumpulan itu telah mendapat pengiktirafan di peringkat negeri mahupun kebangsaan dan antarabangsa.

Pengetua SMK Rancha- Rancha Omar Baki Matusin amat menyokong kuat kumpulan D' Akar Seni SMK Rancha-Rancha. Beliau optimis dengan keupayaan dan kesungguhan kumpulan seni tari sekolah itu dalam mencapai kejayaan. "Sebagai tanda sokongan kepada perkembangan bidang seni tari melalui aktiviti kokurikulum, saya sentiasa berbincang dengan guru penasihat kumpulan D' Akar Seni SMK RanchaRancha tentang pertandingan yang disertai di peringkat negeri mahupun kebangsaan," katanya.

Kumpulan D'Akar Seni SMK Rancha-Rancha di bawah kegiatan kokurikulum iaitu Kelab Pelancongan Sekolah SMK Rancha-Rancha mempunyai perancangan yang rapi dan sistematik dalam melahirkan serta mencungkil bakat para pelajar di sekolah itu, khususnya dalam bidang seni tari. Pada awal tahun ini, Kelab Pelancongan sekolah itu mengadakan kursus seni tari di dalam program Semarak Tari. Program itu telah pun dilaksanakan sejak tiga tahun yang lalu iaitu dari 2015 hingga 2017.



Penolong Kanan Kokurikulum sekolah Fauziah Idris menjelaskan komitmen kuat guru dan usaha tanpa mengenal erti putus asa oleh penari sekolah telah menjadikan kumpulan tari D' Akar Seni SMK RanchaRancha kian digeruni di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Latihan secara intensif dilaksanakan setiap hujung minggu yang mana Adam Sangga dan Nazri Gores Maran yang bertindak selaku jurulatih tari sekolah SMK RanchaRancha mengajar gerak dan pembentukan posture badan para penari.

Tarian yang diajar adalah tarian Melayu seperti inang, zapin, asli dan joget. Para pelajar juga diajar menguasai tarian etnik Sabah dan Sarawak. Semangat bergotong-royong menjadi amalan kumpulan D'Akar Seni dan ini terbukti apabila mereka membuat sendiri aksesori dan menjahit manik pakaian tarian.

Antara kejayaan kumpulan tari D' Akar Seni SMK RanchaRancha adalah menjadi johan Pertandingan Tarian Etnik Sabah 2017, johan Pertandingan Tarian Tradisi 2017 WP Labuan, johan Pertandingan Rampai Melayu Tradisional WP Labuan 2017. Di peringkat kebangsaan, Kumpulan D'Akar Seni SMK Rancha-Rancha juga pernah mendapat anugerah Tarian Etnik Kreatif sempena Festival Seni Kebangsaan

2016.

Pertandingan berprestij anjuran Perbadanan Labuan iaitu Borneo Arts Festival telah mengangkat nama Kumpulan D'Akar Seni yang mendapat tempat ke-4 daripada 24 pasukan yang bertanding termasuklah dari Negara Brunei Darussalam. Kejayaan kumpulan tari SMK Ranch-Rancha telah melayakkan kumpulan itu mendapat anugerah daripada Kelab Pelancongan Paling Aktif pada tahun 2016 oleh Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Labuan.



Pada tahun ini, Jabatan Pendidikan Labuan telah memilih Kelab Pelancongan SMK Ranch-Rancha sebagai penerima Anugerah Pengurusan Kelab dan Persatuan Terbaik kategori sekolah menengah. Perancangan jangka panjang kumpulan seni itu adalah untuk menyertai pertandingan tarian antarabangsa seperti World Cup Dance 2018.

Sapri optimis sekiranya kumpulan itu diberi kepercayaan dan diberikan dana untuk ke pertandingan antarabangsa kejayaan akan dapat diperolehi berkat kesungguhan dan komitmen semua pihak.

“Sebagai tanda sokongan kepada perkembangan bidang seni tari melalui aktiviti kokurikulum, saya sentiasa berbincang dengan guru penasihat kumpulan D’ AkarSeniSMKRancha-Rancha tentang pertandingan yang disertai di peringkat negeri mahupun kebangsaan.

OMAR BAKI MATUSIN Pengetua SMK Rancha-Rancha